

Ismail Sabri sahut cabaran berpuisi

Oleh LILIS SURIANI OMAR dan
NURFARHANA MOHAMED

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 MEI

DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob tidak pernah menyertai mana-mana acara puisi sepanjang hidupnya. Tetapi esok dalam program Bintang-Bintang Berpuisi II anjuran *Utusan Malaysia* dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau menyahut cabaran itu.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu bakal mendeklamasikan puisi bertajuk *Pesan Buat Anak Muda*.

Mengakui sedikit gemuruh untuk bersama-sama penggiat seni, ahli akademik dan budayawan lain dalam menjayakan acara bersejarah di UKM itu, Ismail Sabri berkata, biarpun berdepan dengan kesibukan tugas, beliau tetap meluangkan masa melakukan persediaan dan latihan.

"Saya akan cuba buat yang terbaik kerana saya tidak pernah menyertai mana-mana acara ber-



puisi sebelum ini, tetapi acara ini akan dijadikan medium untuk menyampaikan amanat kepada generasi muda supaya bangkit dan mempertahankan tanah air kerana merekalah pewaris masa depan.

"Dalam masa sama, saya ingin memanfaatkan peluang yang ada untuk bersama-sama menyumbang dan menunjukkan sokongan terhadap program berunsur memartabatkan keunggulan bahasa kebangsaan kita termasuk melalui penyampaian puisi," kata Ahli Parlimen Bera itu kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Sasterawan Negara, Datuk Dr. Zurinah Hassan akan mendeklamasi puisi *Cermin Sejarah* yang mengajak penonton mengenang kembali pejuang Melayu yang pernah berkorban demi negara.



ISMAIL SABRI YAAKOB



ZURINAH HASSAN

"Pengisian puisi saya itu sesuai dengan tema yang diberikan. Bait-bait puisi itu juga akan menyingkap kembali sejarah-sejarah yang pernah kita lalui dalam memperjuangkan bangsa Melayu.

"Jangan sesekali kita ulangi kembali peristiwa hitam yang pernah negara lalui satu ketika hingga meninggalkan kesan luka," ulasnya.

Turut mendeklamasikan puisi pada majlis itu ialah Pengarah Doktrin Latihan Tentera Darat, Kolonel Radzi Abdul Hamid.

Antara tetamu kehormat lain ialah, Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Ketua Pengarang

Kumpulan, Datuk Abdul Aziz Ishak; Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UKM, Prof. Datuk Dr. Riza Atiq Abdullah O.K. Rahmat.

Dalam pada itu, barisan selebriti yang akan hadir bagi memeriahkan acara ialah Siti Nordiana,

Ajak Shiro, Fizz Fairuz, Najwa Latif dan Projector Band.

Bintang-Bintang Berpuisi II akan berlangsung di Dewan Canselori, UKM, Bangi, esok.

Acara yang memasuki edisi kedua sejak dianjurkan pada 2015 itu merupakan hasil usaha sama antara akhbar *Utusan Malaysia* dengan pihak UKM.

Program bertemakan Obor Perjuangan itu antara lain bertujuan memperkasakan bahasa Melayu dan berpeluang menyaksikan ahli politik, ahli akademik, budayawan seni dan artis terkenal memperlihatkan bakat mendeklamasikan puisi.